



28 Februari 2018
28 February 2018
P.U. (A) 62

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2018

PESTICIDES (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

PERINTAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 59 Akta Racun MakhluK Perosak 1974 [*Akta 149*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Racun MakhluK Perosak (Pengecualian) (No. 2) 2018**.

Pengecualian

2. (1) TertakluK kepada subperenggan (2) dan (3), Menteri mengecualikan Delphina Teknik Sdn. Bhd. (Nombor Pendaftaran Syarikat : 933670-A) berhubung dengan racun makhluK perosak Plane 20 EC daripada kehendak untuk mendaftarkan pemilikan atau penggunaan racun makhluK perosak di bawah perenggan 53A (1)(a) Akta.

(2) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) diberikan mulai 1 Mac 2018 hingga 1 Mac 2019 melainkan dibatalkan terlebih dahulu oleh Lembaga.

(3) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah tertakluK kepada syarat seperti yang berikut:

(a) racun makhluK perosak itu hendaklah dilabel sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga;

(b) racun makhluK perosak itu dibeli hanya daripada Hextar Chemicals Sdn. Bhd. (Nombor Pendaftaran Syarikat : 133061-V) semata-mata bagi tawaran perkhidmatan kerja-kerja penyahserangkaian pesawat udara bagi AirAsia Berhad (Nombor Pendaftaran Syarikat : 284669-W) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur;